

Pengecualian Cukai Pendapatan Ke Atas Bonus Beri Kesan Kepada Pendapatan Negara - KSN
Bername
17 Oktober, 2012

PUTRAJAYA, 17 Okt (Bernama) -- Tindakan mengecualikan cukai pendapatan ke atas bonus yang diterima penjawat awam boleh memberi kesan terhadap hasil pendapatan negara, kata Ketua Setiausaha Negara Datuk Seri Dr Ali Hamsa.

Ini kerana, jika dilaksanakan, pekerja sektor swasta juga berhak ke atas pengecualian itu sekaligus memberi kesan kepada hasil cukai negara, katanya.

"Pengecualian cukai pendapatan itu juga tidak memberikan manfaat kepada penjawat awam yang berpendapatan kurang daripada RM2,700 yang sememangnya tidak membayar cukai," katanya pada majlis perjumpaan Ketua Setiausaha Negara (KSN) dengan kepimpinan Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) di sini, Rabu.

Sebelum ini, Presiden Cuepacs Datuk Omar Osman memohon agar bonus satu bulan setengah gaji kepada penjawat awam pada Disember dan Januari ini seperti diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak semasa membentangkan Belanjawan 2013 yang lepas, dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Pada sidang akhbar kemudiannya yang turut disertai Omar, Ali berkata perjumpaan hari ini adalah untuk berbincang berhubung usaha menambahbaik sektor perkhidmatan awam serta mencari jalan penyelesaian berhubung beberapa isu berbangkit.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=702795>